

KKTKW 18/4/2.01



Ibu Pejabat Jabatan Ukur
Semenanjung Malaysia
Jalan Gurney
Kuala Lumpur 15-02

16 hb. April, 1982.

PEK.KETUA PENGARAH UKUR BIL.5 TAHUN 82 **Implementasi Pekeliling Ketua Pengarah Ukur Dan Pemetaan**

1. **Latar Belakang**

- 1.1 Ibu Pejabat mengetahui sebilangan besar Pekeliling-Pekeliling KPU yang telah dikeluarkan tidak dikuatkuasakan dengan sepenuhnya ataupun dengan kurang sempurnanya.
- 1.2 Nampaknya ada Pengarah-Pengarah Ukur yang berbuat sedemikian kerana segan menghadapi ataupun tidak rela memikul tanggungjawab yang baru akibat penguatkuasaan Pekeliling-Pekeliling tersebut.
- 1.3 Separuh dari Pengarah Ukur telahpun menguatkuasakan Pekeliling-Pekeliling KPU tersebut tetapi malangnya hasil dari tindakan-tindakan mereka tiada diketahui, lebih-lebih lagi diperingkat Ibu Pejabat ini, oleh kerana ketiadaan proses 'monitoring' dan maklumbalas (feedback).
- 1.4 Hingga hari ini, Ibu Pejabat tidak dapat membuat sebarang penilaian atas Pekeliling-Pekeliling KPU yang telah dikeluarkan.

2. **Matlamat**

- 2.1 Matlamat pertama Surat Pekeliling ini ialah untuk memberi panduan kepada Pengarah-Pengarah Ukur atas langkah-langkah yang perlu diambil untuk menilai dan monitor hasil-hasil yang didapati akibat dari penguatkuasaan Pekeliling-Pekeliling KPU yang telah dikeluarkan semenjak 15hb. Januari, 1980, dari segi-segi :
 - 2.1.1 Implementasi
 - 2.1.2 Monitoring

2.1.3 Penilaian dan maklumbalas.

Penilaian ini hendaklah disampaikan kepada Ibu Pejabat ini pada 1hb. Ogos, 1982.

- 2.2 Adalah ditegaskan di sini betapa perlunya langkah-langkah seperti tersebut di atas diikuti supaya matlamat-matlamat Pekeliling-Pekeliling KPU dapat dicapai dengan berkesannya.
- 2.3 Sebagai satu langkah mendapatkan penilaian keseluruhannya, separuh dari Pekeliling-Pekeliling KPU tersebut hendaklah dinilai dan dimonitor bagi tempoh dua (2) tahun. Selepas dipastikan intisari Pekeliling-Pekeliling tersebut dapat dikuatkuasakan dengan licinnya dan memberi faedah-faedah yang tertentu, maka ia akan dijadikan Peraturan Ukur Jabatan. Dikecualikan daripada kaedah ini ialah Pekeliling-Pekeliling / Surat-Surat Pekeliling KPU yang hanya memberi arahan ataupun mempunyai tujuan-tujuan sementara sahaja. Pada masa hadapan Pekeliling-Pekeliling / Surat-surat Pekeliling tersebut akan dikenali dengan huruf KPUP(S).
- 2.4 Matlamat kedua ialah Pengarah-Pengarah Ukur hendaklah mengulangkaji dan memberi teguran / cadangan / alternatif untuk mencapai matlamat dan maksud Pekeliling-Pekeliling KPU sebelum 15hb. Januari, 1980. Jika Pengarah-Pengarah Ukur mendapati Pekeliling-Pekeliling KPU tersebut belum lagi dikuatkuasakan dengan sepenuhnya, mereka hendaklah berbuat demikian. Teguran / cadangan menurut abjad tempoh, hendaklah sampai ke Ibu Pejabat tidak lewat daripada 1hb. November 1982.

3. **Implementasi**

- 3.1 Di dalam kes-kes Pekeliling-Pekeliling KPU yang baru dikeluarkan, Pengarah-Pengarah Ukur hendaklah menguatkuasakan Pekeliling-Pekeliling tersebut dengan sertamertanya sebaik sahaja mereka diterima dari Ibu Pejabat.
- 3.2 Jika ada apa-apa keraguan, umpamanya oleh kerana bertentangan dengan peraturan-peraturan tempatan (local practices), Pengarah-Pengarah Ukur hendaklah memberitahu Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan dengan segeranya serta mengesyurkan tidak kurang dari dua cara / langkah yang patut diambil supaya masalah-masalah itu dapat diatasi.
- 3.3 Keputusan-keputusan yang tercapai di dalam Mesyuarat-Mesyuarat Pengarah-Pengarah Ukur hendaklah dikuatkuasakan sebaik sahaja tamatnya Mesyuarat-Mesyuarat tersebut. Arahan-arahan ataupun Pekeliling-Pekeliling berkaitan dengannya akan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat secepat mungkin.

4. **Monitoring**

- 4.1 Monitoring secara terperinci atas penguatkuasaan segala Pekeliling KPU

hendaklah dilaksanakan supaya :

- 4.1.1 Segala arahan yang terkandung di dalam Pekeliling-Pekeliling tersebut telah pun dilaksanakan dengan sempurnanya;
 - 4.1.2 Kakitangan memahami segala arahan baru serta implikasinya; dan
 - 4.1.3 Kakitangan mengubahsuai sikap dan pemikiran mereka terhadap peraturan-peraturan dan cara-cara baru.
- 4.2 Oleh kerana peraturan-peraturan baru ini akan memperbaiki penghasilan kerja baik dari segi mutu ataupun kemajuannya, segala penghasilan kerja hendaklah dimonitor dengan mendalamnya oleh Pengarah-pengarah Ukur. Penilaian Pengarah-Pengarah Ukur hendaklah disampaikan kepada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan pada tarikh dan dalam format yang akan ditentukan.

5. **Penilaian dan Maklumbalas**

- 5.1 Pengarah-Pengarah Ukur dikehendaki menilai segala Pekeliling KPU.
 - 5.1.1 Samada Pekeliling-Pekeliling / Surat- Surat Pekeliling tersebut sesuai dipakai dan praktikal pada masa penilaian.
 - 5.1.2 Mengenalpasti "cost- effectiveness" dan "benefit cost" Pekeliling-Pekeliling tersebut melalui satu format yang tertentu yang perlu diisikan suku tahun sekali dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat ini.
 - 5.1.3 Penilaian Pekeliling KPU dan Surat Pekeliling KPU mulai daripada 15hb. Januari, 1980 hendaklah disampaikan kepada Ibu Pejabat pada 1hb. Ogos, 1982.
- 5.2 Jika Pengarah-Pengarah Ukur mendapati ada peruntukan-peruntukan yang bertentangan dengan peraturan-peraturan tempatan, mereka dikehendaki :
 - 5.2.1 Memberi segala maklumat yang lengkap atas peraturan-peraturan tempatan ini;
 - 5.2.2 Membuat sekurang-kurangnya dua syur / cara mengatasi masalah ini; dan
 - 5.2.3 Mengesyurkan alternatif yang boleh diserapkan ke dalam Surat-Surat Pekeliling pada masa hadapan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

LEONG YIP SUN , JSM

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan,

Malaysia.

Edaran:

Semua Pengarah Ukur

Semua Timbalan Pengarah Ukur (Unit Khas)

Salinan kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Pengarah Ukur Pemetaan

Pengarah Ukur Kadastra

Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan

Timbalan Pengarah Ukur Kadastra

Timbalan Pengarah Ukur Kadastra (Unit Khas)

Pengurus Bahagian Komputer Letronik